

٥٠٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدٌ يَعْنِي ابْنَ مُقَاتِلٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ قَالَ أَخْبَرَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ حَدَّثَنِي غَالِبُ الْقَطَّانُ عَنْ بَكْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْمُزَنِيِّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالظُّهَائِرِ فَسَجَدْنَا عَلَى ثِيَابِنَا اتِّقَاءَ الْحَرِّ

509- Muhammad iaitu Ibnu Muqatil meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah (bin al-Mubaarak al-Hanzali al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid bin `Abdir Rahman (bin Bukair as-Sulami al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Ghalib (bin Khatthaab) al-Qatthaan meriwayatkan kepada saya daripada Bakr bin `Abdillah al-Muzani daripada Anas bin Malik, katanya: “Ketika bersembahyang Zohor di belakang Rasulullah s.a.w., kami bersujud di atas kain-kain kami (berupa khumrah, sejadah atau lain-lain) untuk mengelakkan kepanasan (lantai tempat sujud).”⁹³⁸

بَابُ تَأْخِيرِ الظُّهْرِ إِلَى الْعَصْرِ

94- Bab Melewatkan Zohor Sehingga Ke `Ashar.⁹³⁹

sembahyang `Isyaa' hingga ke satu pertiga awal malam atau ke separuh akhir malam. Kerana bersembahyang `Isyaa' pada waktu itu juga bererti bersembahyang pada waktunya yang mukhtar (terpilih / istimewa). (9) Sikap cermat dalam meriwayatkan hadits adalah antara ciri istimewa perawi-perawi hadits yang terpilih. (10) Tidak mengapa menyatakan tidak ingat mana-mana bahagian hadits ketika menyampaikannya.

⁹³⁸ Hadits ini juga menunjukkan Rasulullah s.a.w. bersembahyang Zohor di awal waktunya, ketika panas sangat terik. Kerana terlalu panas pada ketika itu para sahabat melapikkan sesuatu seperti sejadah dan lain-lain di tempat sujud mereka. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Rasulullah s.a.w. selalu juga bersembahyang Zohor di awal waktunya, ketika panas sangat terik. (2) Keharusan menggunakan pelapik seperti sejadah ketika bersembahyang. Sama ada untuk menghindari kepanasan lantai atau untuk berada dalam keadaan lebih bersih dsb. (3) Cerita Anas ini boleh jadi tentang peristiwa sembahyang sebelum mereka mendapat perintah supaya bersembahyang pada waktu cuaca sudah agak sejuk. (4) Boleh jadi juga peristiwa yang disebut Anas ini berlaku selepas perintah itu. Nabi s.a.w. sengaja mengerjakan sembahyang pada waktu panas terik seperti yang digambarkan Anas di dalam hadits di atas, dengan tujuan memberitahu kepada semua bahawa bersembahyang pada waktu itu juga diharuskan, walaupun kurang afdhal. (5) Keharusan menanggung sedikit kesusahan demi menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul. **Selain Bukhari, hadits ini** diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain.

⁹³⁹ Apa pula tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini? Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentangnya. Berikut dikemukakan beberapa daripadanya: (1) Kebanyakan mereka berpendapat, oleh kerana hadits-hadits yang menyebutkan tentang akhir waktu Zohor ialah apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya tidak menepati syarat beliau, Bukhari tidak

menjadikannya sebagai penentu dalam masalah ini. Beliau sebaliknya hanya berkata, waktu Zohor itu berpanjangan hingga ke waktu 'Ashar. (2) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, Syeikh Zakariya berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menolak pendapat golongan yang mengatakan ada waktu musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar) dan waktu senggang atau waktu muhmal di antara waktu Zohor dan 'Ashar, iaitu waktu yang sepatutnya tidak dikerjakan sembahyang padanya kerana mendatangkan dosa, walaupun sembahyang seseorang pada waktu itu dikira sah juga. Bagi Bukhari, kalau waktu Zohor itu rapat sampai ke waktu 'Ashar, bagaimana pula akan ada waktu musytarak atau waktu muhmal? Hadits di bawah bab ini yang menunjukkan Rasulullah s.a.w. pernah bersembahyang jama' ketika berada di Madinah jelas membuktikan keharusan bersembahyang Zohor betul-betul di akhir waktunya dan bersembahyang 'Ashar betul-betul di awal waktunya. Jama' seperti ini dipanggil jama' Shuri. Sebabnya ialah Rasulullah s.a.w. cukup menjaga waktu-waktu sembahyang. Baginda s.a.w. tidak mengerjakan sembahyang kecuali pada waktunya, melainkan dalam keadaan bermusafir atau ada sebab-sebab yang lain. Hakikat ini dapat dilihat melalui hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud ini. Kata beliau: ما رأيْتُ رسولَ الله صلى الله عليه وسلم صلى صلاةً لغير ميعاتها إلا صلاتين جمعَ بين المغرب والعشاء بجمع وصلى الفجر يومئذ قبل ميعاتها Bermaksud: Tidak pernah ku lihat Rasulullah s.a.w. bersembahyang bukan pada waktunya, melainkan dua sembahyang. Baginda s.a.w. telah menjama'kan sembahyang Maghrib dan 'Isyaa' di Jam'in (Muzdalifah). Sembahyang Subuh pada hari itu Baginda s.a.w. kerjakan sebelum waktunya (yang biasa). (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Abu 'Awaanah, Abu Ya'la dan lain-lain). (3) Tajuk bab ini dibuat Bukhari sebagai ترجمة شارحة dengan tujuan menjelaskan maksud hadits di bawahnya yang mungkin menimbulkan kekeliruan. Di dalam hadits di bawah bab ini tersebut bahawa Nabi s.a.w. telah menjama' sembahyang Zohor dan 'Ashar dan seterusnya Maghrib dan 'Isyaa' ketika Baginda s.a.w. berada di Madinah. Ia boleh mengelirukan. Adakah Nabi s.a.w. telah menjama' taqdim atau ta'khir. Imam Bukhari menjelaskan jama' yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukannya jama' haqiqi (menjama'kan dua sembahyang dalam waktu salah satu daripadanya), tetapi sebaliknya jama' shuri. Jama' shuri ialah jama' pada lahirnya sahaja. Pada hakikatnya setiap daripada dua sembahyang itu dikerjakan pada waktu masing-masing. Zohor dikerjakan betul-betul di akhir waktunya. 'Ashar pula dikerjakan betul-betul di awal waktunya. Begitu juga dengan Maghrib dan 'Isyaa'. Ini adalah pendapat Syah Waliyyullah. (4) Sebelum ini Imam Bukhari telah membuat bab untuk menyatakan permulaan waktu Zohor. Permulaan waktunya amat jelas iaitu apabila matahari tergelincir. Oleh kerana para 'ulama' berbeza pendapat tentang penghujung waktu Zohor, ada yang berpendapat ia berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya dan ada pula yang berpendapat ia baru berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Bagi Bukhari kedua-dua pendapat itu mempunyai alasan tersendiri dan masing-masing daripadanya agak kuat. Kerana itu beliau tidak mahu menyebelahi mana-mana pihak. Imam Bukhari hanya menyatakan pendiriannya secara umum sahaja, bahawa waktu Zohor itu berpanjangan sehingga ke waktu 'Ashar. (5) Bagi penulis, tajuk bab yang dibuat oleh Bukhari ini jelas menunjukkan waktu Zohor juga sama seperti waktu-waktu sembahyang yang lain, ada penghujungnya. Itulah maksud perkataan إلى di dalamnya. Tetapi hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah tajuk bab ini pula menyatakan Baginda s.a.w. telah menjama' sembahyang Zohor dan 'Ashar dalam waktu salah satu daripadanya, serta Maghrib dan 'Isyaa' juga dalam waktu salah satu daripadanya ketika tidak bermusafir, malah ketika berada di Madinah. Ia pada zahirnya kelihatan tidak sesuai dengan tajuk bab. Tajuk bab hanya menyatakan keharusan melewati sembahyang Zohor hingga ke waktu 'Ashar. Ertinya ialah sebelum lagi masuk waktu 'Ashar. Hadits di bawah tajuk bab pula menyatakan sembahyang-sembahyang yang dijama' oleh Rasulullah s.a.w. Tidak jelas dalam waktu sembahyang yang mana sebenarnya. Adakah itu jama' taqdim atau jama' ta'khir? Jika diteliti

dengan saksama, akan terserlah kepada anda maksud Bukhari. Bagi penulis, maksud Bukhari di sini ialah menyatakan bahawa jama' yang dikerjakan oleh Rasulullah dalam peristiwa yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abbaas di bawah tajuk bab ini ialah jama' ta'khir. Buktinya ialah adanya perkataan إلى di dalam tajuk babnya. Cuma selepas perkataan إلى itu semestinya ditaqdirkan satu perkataan sahaja, iaitu perkataan دخول sebagai مضاف yang dibuang (محذوف). Maka tajuk bab yang dibuat Bukhari itu selepas ditaqdirkan, akan jadi begini saja: باب تأخير الظهر إلى دخول العصر. Lalu dapatlah pula kita katakan seterusnya وتأخير المغرب إلى دخول العشاء. Dengan ini jadi sesuailah tajuk bab dengan hadits di bawahnya. Soal bagaimana Bukhari dapat menentukan bahawa jama' yang dikerjakan oleh Rasulullah itu adalah jama' ta'khir? Jawab al-Kirmaani: "Boleh jadi beliau mengetahuinya melalui hadits ini menerusi saluran riwayat yang lain. Atau beliau sengaja meringkaskannya. Mungkin juga beliau memahaminya melalui siyaq (jalanan cerita) hadits itu. Pada pendapat penulis, Bukhari telah mengetahuinya menerusi beberapa riwayat Ibnu 'Abbaas yang lain. Antaranya ialah dua riwayat berikut ini: (a) أَخْبَرَنِي أَبُو عَاصِمٍ خُشَيْشُ بْنُ أَصْرَمَ قَالَ حَدَّثَنَا حَبِيبُ بْنُ هَالَلٍ حَدَّثَنَا حَبِيبٌ وَهُوَ ابْنُ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ هَرَمٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ صَلَّى بِالْبَصْرَةِ الْأُولَى وَالْعَصْرَ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ فَعَلَ ذَلِكَ مِنْ شُغْلٍ وَزَعَمَ ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ الْأُولَى وَالْعَصْرَ ثُمَّانِ سَجَدَاتٍ لَيْسَ بَيْنَهُمَا شَيْءٌ Bermaksud: Ibnu 'Abbaas pernah bersembahyang Zohor dan 'Ashar (sebagai jama') di Bashrah dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Maghrib dan 'Isyaa' juga dijama' beliau dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Beliau melakukan jama' kerana sesuatu kesibukan yang dialaminya. Kata Ibnu 'Abbaas: "Sesungguhnya beliau (sendiri) pernah mengerjakan sembahyang yang pertama (Zohor) dan 'Ashar bersama Rasulullah s.a.w. di Madinah sebanyak lapan raka'at tanpa mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. (Hadits riwayat an-Nasaa'i). (b) وَحَدَّثَنِي أَبُو الرَّبِيعِ الزُّهْرَانِيُّ حَدَّثَنَا حَمَّادٌ عَنْ الزُّبَيْرِ بْنِ الْخَرِيتِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَقِيقٍ قَالَ خَطَبَنَا ابْنُ عَبَّاسٍ يَوْمًا بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَبَدَتْ النُّجُومُ وَجَعَلَ النَّاسُ يَقُولُونَ الصَّلَاةُ الصَّلَاةُ قَالَ فَجَاءَهُ رَجُلٌ مِنْ بَنِي تَمِيمٍ لَا يَفْقَرُ وَلَا يَنْتَهِي الصَّلَاةَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ أَعْلَمْتَنِي بِالسُّنَّةِ لَا أَمْ لَكَ ثُمَّ قَالَ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ شَقِيقٍ فَحَاكَ فِي صَدْرِي مِنْ ذَلِكَ شَيْءٌ فَأَتَيْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ فَسَأَلْتُهُ فَصَدَّقَ مَقَالَتَهُ Bermaksud: Kata 'Abdullah bin Syaqq: "Pernah pada suatu hari sesudah 'Ashar, Ibnu 'Abbaas berucap di hadapan kami sehingga terbenam matahari dan bintang-bintang mulai kelihatan. Orang ramai mula berteriak mengatakan: "Sembahyang! Sembahyang!" Malah seorang lelaki Bani Tamim terus tampail ke hadapannya lalu berkata: "Sembahyang! Sembahyang!" Kata Ibnu 'Abbaas: "Apakah engkau hendak mengajarku tentang Sunnah Nabi? Teruk betul engkau kalau begitu! Kemudian beliau berkata: "Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w. menjama'kan sembahyang Zohor dengan 'Ashar dan Maghrib dengan 'Isyaa'. Kata 'Abdullah bin Syaqq: "Sedikit keraguan timbul di dalam hatiku. Kerananya aku pergi bertanya kepada Abu Hurairah." Oleh Abu Hurairah dibenarkannya kata-kata Ibnu 'Abbaas itu." (Hadits riwayat Muslim). (6) Di samping menghormati dan menerima semua pendapat yang telah diberikan itu, penulis berpendapat Imam Bukhari masih tidak berpuas hati dalam usahanya mengadili dan mengimbangi kekesalan dan kemarahan Anas r.a. terhadap perbuatan sesetengah pemimpin Bani Umaiyah yang melewati-lewatkan sembahyang, dengan alasan yang dipegang pemimpin Bani Umaiyah itu sendiri dalam soal ini. Kerana orang mungkin berkata, kalaulah pemimpin Bani Umaiyah itu bersembahyang agak lewat ketika cuaca terlalu panas, tentulah Anas bin Malik r.a. dapat memahaminya dan mema'fkannya. Anas tentunya mengetahui sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi: إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرُوا عَنْ الصَّلَاةِ فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فِتْنٍ جَهَنَّمَ Bermaksud: "Apabila kuat sangat panas, maka kerjakanlah sembahyang setelah agak sejuk. Kerana panas yang kuat sangat itu berpunca daripada hembusan neraka Jahannam." Sudah tentulah kemarahan Anas itu didorong oleh kesedaran dan pengetahuan beliau tentang perbuatan sesetengah pemimpin Bani Umaiyah yang sengaja mengabaikan dan melewati-lewatkan sembahyang tanpa sebarang sebab yang wajar! Imam Bukhari seolah-olahnya bertanya di sini, bagaimana dengan perbuatan Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbaas di dalam hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah bab ini? Bukankah Rasulullah

٥١٠ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ هُوَ ابْنُ زَيْدٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ عَنْ جَابِرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِالْمَدِينَةِ سَبْعًا وَثَمَانِيًا الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ فَقَالَ أَيُّوبُ لَعَلَّهُ فِي لَيْلَةٍ مَطِيرَةٌ قَالَ عَسَى

510- Abu an-Nu'maan meriwayatkan kepada kami, katanya: Hammaad - dia adalah Ibnu Zaid - meriwayatkan kepada kami daripada 'Amar bin Dinar daripada Jaabir bin Zaid (Abu asy-Sya'tsaa') daripada Ibnu 'Abbas, bahawa Nabi s.a.w. pernah bersembahyang di Madinah tujuh (raka'at) dan lapan (raka'at). Zohor, 'Ashar, Maghrib dan 'Isyaa'. Maka Ayyub (as-Sakhtiyani) berkata (kepada Jaabir): "Boleh jadi ia dilakukan (Nabi s.a.w.) pada malam (dan siang yang) hujan." Jawabnya: "Boleh jadi."⁹⁴⁰

s.a.w. juga pernah melewati sembahyang Zohor sehingga ke penghujung waktunya, menurut orang-orang yang berpendapat Baginda sebenarnya telah melakukan jama' shuri? Bukankah Rasulullah s.a.w. juga pernah melewati sembahyang Zohor dengan menjama'nya dengan 'Ashar dalam waktu 'Ashar atau sebaliknya dan menjama'kan Maghrib dan 'Isyaa' dalam waktu 'Isyaa' atau sebaliknya, menurut orang-orang yang mengatakan Baginda sebenarnya telah melakukan jama' haqiqi bukan jama' shuri? Semua ini dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. secara berjema'ah dengan para sahabatnya ketika tidak bermusafir, tidak sakit, tidak hujan dan tidak dalam ketakutan perang. Malah Baginda s.a.w. dan para sahabatnya pada ketika itu berada di Madinah dalam keadaan aman tenteram. Bukhari berpendapat, dalam keadaan ada sesuatu keperluan, tidak salah seseorang menjama'kan sembahyang, sama ada dalam bentuk shuri atau haqiqi. Walaupun ia berada di tempat sendiri dan tidak dalam keadaan bermusafir sekalipun. Dengan syarat ia tidak dijadikan sebagai suatu kebiasaan. Kalau begitu, tidaklah patut perbuatan sesetengah pemimpin kerajaan Bani Umaiyah yang kadang-kadang melewati sembahyang kerana sesuatu sebab itu dikecam, dicerca dan dijadikan sebagai bahan momokan di kalangan umat sehingga menimbulkan kebencian dan dendam kesumat terhadap mereka.

⁹⁴⁰ Hadits Ibnu 'Abbaas ini telah diriwayatkan oleh Sa'id bin Jubair dengan lebih jelas dan terperinci. Imam at-Tirmizi mengemukakannya di bawah satu bab yang diadakannya berbunyi: **باب: حَدَّثَنَا هَذَا حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ** (Bab hadits-hadits tentang menjama'kan dua sembahyang pada ketika tidak bermusafir). Berikut adalah haditsnya: **عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ جَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَبَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِينَةِ مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ قَالَ قَتِيبُ لَا بَيْنَ عَبَّاسٍ مَا أَرَادَ بِذَلِكَ قَالَ أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أُمَّتَهُ** Bermaksud: Kata Ibnu 'Abbaas: "Rasulullah s.a.w. pernah menjama'kan sembahyang Zohor dengan 'Ashar dan Maghrib dengan 'Isyaa' di Madinah dalam keadaan tidak ada sebarang ketakutan dan hujan. Kata perawi: Maka Ibnu 'Abbaas ditanya, apa tujuan Baginda s.a.w. berbuat begitu? Jawab beliau: "Tujuannya ialah supaya tidak menyusahkan umatnya." Selain Tirmizi, hadits ini diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan lain-lain. Kemusykilan Ayyub di dalam hadits di atas telah terjawab dengan hadits Tirmizi ini. Tujuan Rasulullah menjama' sembahyang ketika tidak ke mana-mana dan tidak ada sebarang ketakutan juga terjawab dengan hadits ini. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baarinya menulis: **وقد ذهب جماعة من الأئمة إلى الأخذ بظاهر هذا الحديث فجوزوا الجمع في الحضر للحاجة مطلقاً لكن بشرط أن لا يتخذ ذلك عادة وممن قال به ابن سيرين وربيعه وأشهب وابن المنذر والقفال الكبير وحكاه الخطابي عن جماعة من أصحاب الحديث** Bermaksud: Sekumpulan imam berpegang dengan zahir hadits ini. Kerananya mereka mengharuskan jama' ketika berada di tempat sendiri (tidak bermusafir) kerana apa saja hajat (keperluan). Tetapi dengan syarat ia tidak dijadikan sebagai suatu kebiasaan. Antara tokoh yang berpendapat begitu ialah Ibnu Sirin, Rabi'ah, Asyhab, Ibnu al-Munzir dan al-Qaffaal al-Kabir. Khatthaabi juga ada menyebutkan sekumpulan Ahlul Hadits yang berpendapat demikian." Imam

Bukhari adalah salah seorang tokoh hadits yang berpegang dengan zahir hadits Ibnu 'Abbaas di atas. Pada pandangan penulis, Hafiz Ibnu Hajar sendiri nampak lebih cenderung kepada pendapat ini. Kerana itulah selepas menukilkan pendapat sekumpulan imam yang mengharuskan jama' ketika tidak bermusafir kerana apa saja hajat (keperluan), beliau menukilkan pula beberapa riwayat daripada Ibnu 'Abbaas. Sekarang lihatlah riwayat-riwayat itu. (a) Nasaa'i menerusi saluran riwayat 'Amar bin Harim daripada Abi Asy-Sya'tsaa' meriwayatkan tentang Ibnu 'Abbaas, bahawa beliau pernah bersembahyang Zohor dan 'Ashar (sebagai jama') di Bashrah dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Maghrib dan 'Isyaa' juga dijama' beliau dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. Beliau melakukan jama' kerana sesuatu kesibukan yang dialaminya. Kata Ibnu 'Abbaas: "Sesungguhnya beliau (sendiri) pernah mengerjakan sembahyang yang pertama (Zohor) dan 'Ashar bersama Rasulullah s.a.w. di Madinah sebanyak lapan raka'at tanpa mengerjakan apa-apa sembahyang sunat di antara keduanya. (b) Di dalam satu riwayat Muslim menerusi saluran riwayat 'Abdullah bin Syaqqi tersebut bahawa kesibukan Ibnu 'Abbaas itu adalah berupa ucapan. Beliau telah berucap selepas selesai bersembahyang 'Ashar dan meneruskannya sehingga bintang-bintang kelihatan. Setelah itu barulah beliau menjama'kan sembahyang Maghrib dan 'Isyaa'. Di dalam hadits ini Ibnu 'Abbaas mengaitkan perbuatannya itu dengan perbuatan Rasulullah s.a.w. (beliau memarfukannya). Abu Hurairah pula apabila ditanya, membenarkannya. Alasan yang disebut Ibnu 'Abbaas bahawa Nabi s.a.w. menjama'kan sembahyang ketika berada di Madinah itu ialah supaya tidak menyusahkan umatnya, jelas menunjukkan Nabi s.a.w. telah melakukan jama' secara mutlaq (merangkumi jama' shuri dan haqiqi). (c) Riwayat seumpama itu juga ada dinukilkan daripada Ibnu Mas'ud. At-Thabaraani dengan isnadnya meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud bahawa beliau berkata: "Rasulullah s.a.w. pernah menjama'kan Zohor dengan 'Ashar dan Maghrib dengan 'Isyaa'. Maka ada orang bertanya Baginda tentangnya. Jawab Baginda s.a.w.: "Aku lakukan begini supaya tidak menyusahkan umatku." Kata-kata Rasulullah s.a.w. "supaya tidak menyusahkan umatku", melemahkan pendapat orang-orang yang mengatakan jama' yang dilakukan oleh Baginda itu adalah jama' shuri. Kerana ia juga menyusahkan." Imam asy-Syaukaani berkata: "Dengan adanya tokoh seramai tersebut, tidak dapat lagi kita mengatakan para 'ulama' telah ijma' tentang tidak bolehnya melakukan jama' seperti itu." Keterangan Hafiz Ibnu Hajar di atas lebih menguatkan lagi pandangan penulis tentang salah satu tujuan Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Lihat semula pendapat ke (5) dan ke (6) yang lalu. Kalau begitu bukan pemimpin Bani Umaiyah saja yang pernah melewatkan sembahyang. Contoh daripada kalangan lain, bahkan Rasulullah s.a.w. juga boleh ditemui di celah-celah riwayat yang bertebaran di sana sini. **Para 'ulama' yang tidak** mahu menerima zahir hadits ini menta'wilkannya dengan beberapa ta'wilan. Antaranya ialah: (1) Rasulullah s.a.w. telah menjama'kan sembahyang di Madinah kerana hujan. Ini adalah pendapat Malik, Syafi'e dan Ahmad bin Hanbal. Ta'wilan ini tertolak dengan adanya riwayat Ibnu 'Abbaas yang menafikannya. Antaranya ialah riwayat yang telah dikemukakan tadi. (2) Kerana hari itu bermendung. Setelah selesai bersembahyang Zohor pada hari itu, langit cerah. Ternyata pada masa itu waktu 'Ashar telah pun masuk. Maka Nabi s.a.w. bersembahyang pula 'Ashar selepasnya. Ta'wilan ini juga tertolak. Kerana ia boleh diterima untuk waktu siang sahaja. Bagaimana pula Baginda s.a.w. megetahui masuk waktu 'Isyaa' pada waktu malam yang bermendung? (3) Berkemungkinan pada hari itu Rasulullah s.a.w. sakit. Ini satu lagi pendapat Ahmad bin Hanbal. Antara tokoh lain yang berpendapat begini ialah Qadhi Husain, al-Khatthaabi, al-Mutawalli, ar-Ruyaani dan lain-lain. Inilah pendapat pilihan Imam Nawawi. Tetapi ta'wilan ini juga tidak dapat diterima. Kerana jelas tersebut di dalam hadits Ibnu 'Abbaas bahawa sembahyang-semahyang itu dikerjakan Baginda s.a.w. bersama para sahabatnya dengan berjama'ah. Tak mungkin sama sekali semua sahabat yang turut serta bersembahyang itu juga

sakit. (4) Jama' itu adalah jama' shuri bukan jama' haqiqi. Ini adalah pendapat al-Qurthubi, Imamul Haramain, Ibnu al-Majisyun, at-Thahaawi dan Ibnu Saiyyidi an-Naas. Bagaimanapun Imam an-Nawawi mengatakan pendapat ini dha'if atau karut semata-mata, kerana ia terlalu bercanggah dengan zahir hadits. Selain itu banyak lagi hadits lain daripada Ibnu 'Abbaas sendiri dan juga sahabat-sahabat lain seperti Abu Hurairah dan Ibnu Mas'ud yang jelas bercanggah dengan pendapat ini. (5) Syah Waliyyullah juga berpendapat hadits Ibnu 'Abbaas di atas dan hadits-hadits seumpamanya sebenarnya lahir akibat waham perawinya. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Rasulullah s.a.w. telah menjama' sembahyang ketika Baginda singgah di suatu tempat dalam peperangan Tabuk. Ada perawi meriwayatkan Baginda s.a.w. menjama' sembahyang ketika tidak bermusafir. Maksudnya ialah ketika tidak sedang dalam perjalanan, bahkan ketika sedang berhenti di suatu tempat dalam perjalanan itu. Yang lain pula meriwayatkannya dengan ma'na. Lalu dia berkata, ketika sedang berada di tempat tetap Baginda. Seterusnya yang lain pula menegaskan, ketika Rasulullah s.a.w. sedang berada di Madinah. Itulah akibat waham dan tasharruf perawi. Namun ta'wilan yang jauh seperti ini boleh menyebabkan hilangnya keyakinan umat terhadap para perawi hadits-hadits sahih. Antara hadits yang dijadikan sebagai asas oleh Syah Waliyyullah dalam komentarnya ini ialah hadits berikut: وَحَدَّثَنَا بِحْبِ بْنِ حَبِيبٍ الْحَارِثِيُّ حَدَّثَنَا خَالِدٌ يَعْنِي ابْنَ الْحَارِثِ حَدَّثَنَا فَرُّةٌ حَدَّثَنَا أَبُو الزَّيْنِ حَدَّثَنَا سَعِيدٌ بْنُ جُبَيْرٍ حَدَّثَنَا ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمَعَ بَيْنَ الصَّلَاةِ فِي سَفَرٍ سَافَرَهَا فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ فَجَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ قَالَ سَعِيدٌ فَقُلْتُ لِابْنِ عَبَّاسٍ مَا حَمَلَهُ عَلَى ذَلِكَ قَالَ أَرَادَ أَنْ لَا يُخْرِجَ أُمَّتَهُ Bermaksud: Ibnu 'Abbaas meriwayatkan, katanya: "Dalam suatu perjalanan yang dilakukan Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Tabuk, Baginda menjama' sembahyang-sembahyang Zohor, 'Ashar, Maghrib dan 'Isyaa'." Kata Sa'id: "Aku pernah bertanya Ibnu 'Abbaas. Apa sebab Nabi s.a.w. melakukan demikian?" Jawab beliau: "Maksud Baginda s.a.w. ialah supaya tidak menyusahkan umatnya." (Hadits riwayat Muslim). **Sebabnya para 'ulama' ini** menta'wil hadits Ibnu 'Abbaas itu, kerana bagi mereka jama' haqiqi adalah satu rukhsah kerana adanya 'illat kesukaran seperti ketika seseorang bermusafir. Tiba-tiba terdapat hadits yang menyatakan Nabi s.a.w. sendiri menjama' sembahyang ketika tidak bermusafir. Sudah tentulah bagi mereka ada 'illat yang mengharuskan jama' dalam keadaan itu. Ia mungkin berupa hujan, sakit, mendung dan lain-lain. Padahal dengan adanya hadits-hadits seperti hadits Ibnu 'Abbaas di atas, tidak perlu lagi kepada semua ta'wilan itu. **Antara pengajaran, panduan dan pedoman** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ada ketikanya Rasulullah s.a.w. melewati sembahyang Zohor hingga ke penghujung waktunya. (2) Ada ketikanya pula Rasulullah s.a.w. bersembahyang jama' ketika berada di Madinah, ketika tidak pergi ke mana-mana pun. (3) Kalau bersembahyang jama' ketika tidak ada apa-apa kesukaran dan ketika tidak pergi bermusafir ke mana-mana pun kadang-kadang dibuat Rasulullah s.a.w., pada ketika ada kesukaran tentulah ia lebih-lebih lagi diperbolehkan. Kerana itulah Imam Ahmad, Ishaq bin Rahawaih, al-Laits bin Sa'ad dan lain-lain tokoh 'ulama' mujtahidin berpendapat, orang sakit boleh bersembahyang jama'. Imam Malik, Syafi'e dan ramai lagi tokoh yang lain pula berpendapat jama' boleh dibuat ketika hujan lebat, meskipun mereka berbeda pendapat ttg syarat-syaratnya. (4) Keharusan melakukan jama' ta'khir.

بَابُ وَقْتِ الْعَصْرِ

95- Bab Waktu 'Ashar.⁹⁴¹

⁹⁴¹ Di bawah باب تأخير الظهر إلى العصر (Bab Melewatkan Zohor Sehingga Ke 'Ashar) yang lalu telah pun dikemukakan dua pendapat tentang kenapa Imam Bukhari tidak menyebut dengan terang batas terakhir waktu Zohor (lihat (1) di bawah:939). Sebabnya ialah para "ulama" berbeza pendapat tentang penghujung waktu Zohor. Ada yang berpendapat ia berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya dan ada pula yang berpendapat ia baru berakhir apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Oleh kerana hadits-hadits apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya (أحاديث المثل) dan hadits-hadits apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya (أحاديث المثلين) tidak menepati syarat beliau, Bukhari tidak menjadikannya sebagai penentu dalam masalah ini. Di bawah nota yang sama juga (lihat (4) di bawah nota:939) telah dikemukakan bahawa sesetengah 'ulama' berpendapat oleh kerana kedua-dua pendapat itu mempunyai alasan tersendiri dan masing-masing daripadanya agak kuat, itulah sebabnya Imam Bukhari tidak menyebelahi mana-mana pihak. Dua sebab itulah juga yang menahan Imam Bukhari daripada menyebutkan dengan terang tentang batas permulaan bagi waktu 'Ashar. Adakah ia bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya atau selepas bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya? Bagaimanapun permulaan waktu 'Ashar dan penghujung waktu Zohor difahami beliau hanya berdasarkan istimbath (kesimpulan) daripada hadits-hadits yang dikemukakannya di bawah bab ini. Hadits-hadits di bawah bab ini kesemuanya menunjukkan Rasulullah s.a.w. selalu bersembahyang 'Ashar di awal waktunya iaitu ketika matahari masih lagi tinggi di sebelah barat, panas dan bersinar-sinar cerah. Secara tidak langsung ia menunjukkan pilihan Bukhari dalam masalah ini. Pilihan beliau nampaknya sama dengan pilihan jumhur 'ulama' yang mengatakan waktu 'Ashar itu bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada pada ketika matahari betul-betul berada di puncaknya. Antara tokoh 'ulama' yang berpendapat begini ialah Malik, Sufyaan ats-Tsauri, Syafi'e, Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani, Zufar, at-Thahaawi dan lain-lain. Menurut keterangan Imam Tirmizi di dalam Sunannya, antara yang berpendapat begini di kalangan sahabat ialah Saiyyidina 'Umar, 'Abdullah bin Mas'ud, 'Aaisyah, Anas dan lain-lain. Tokoh-tokoh yang berpendapat, waktu 'Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya ialah Imam Abu Hanifah, Ibrahim an-Nakha'i, Abu Qilaabah (Muhammad bin 'Abdul Malik), Ibnu Syubrumah, Ahmad dalam salah satu riwayat daripada beliau dan lain-lain. Abu Hurairah dan Ibnu Mas'ud adalah antara yang berpendapat begini di kalangan sahabat. Imam Abu Hanifah dalam masalah ini sebenarnya mempunyai empat pendapat: (a) Sama seperti jumhur 'ulama' iaitu waktu 'Ashar bermula selepas bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, selain bayang yang sedia ada pada ketika matahari betul-betul berada di puncaknya. Pendapat beliau ini diriwayatkan oleh Muhammad bin al-Hasan. (b) Waktu di antara bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya sehingga bayangnya menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya adalah musytarak (waktu yang dikongsi bersama oleh Zohor dan 'Ashar). Menurut Maulana Muhammad Anwar Shah al-Kashmiri, fatwa dalam mazhab Hanafi memakai pendapat ini untuk orang-orang 'uzur dan musafir. (c) Berdasarkan riwayat Hasan bin Ziad (salah seorang murid utama Abu Hanifah), Abu Hanifah berpendapat waktu di antara bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya sehingga bayangnya menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya adalah muhmal (waktu hampa). (d) Waktu 'Ashar bermula selepas bayang sesuatu

738

bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya selain bayangnya selebar tali kasut itu. Beliau bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam. Beliau bersembahyang 'Isyaa' apabila lenyap syafaq. Kemudian bersembahyang Subuh ketika terbit fajar. Pada keesokan harinya beliau bersembahyang Zohor ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. Beliau bersembahyang 'Ashar ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Jarak masanya dengan waktu maghrib ialah selama orang yang menaiki unta laju boleh sampai ke Zilhulaifah. Beliau bersembahyang Maghrib ketika matahari terbenam. Beliau bersembahyang 'Isyaa' setelah berlalu sepertiga (awal) malam. Kemudian bersembahyang 'Isyaa' pada waktu isfaar (telah cerah tanah). Kami bertanya Jaabir: "Bagaimana kami hendak bersembahyang dengan Hajjaaj, dia (sering) melewati sembahyang? Jawab Jaabir: "Kalau dia bersembahyang pada waktunya, bersembahyanglah bersamanya. Tetapi kalau dia melewati sembahyang, kamu kerjakanlah sembahyang pada waktunya. Anggaplah sembahyang yang kamu kerjakan dengannya sebagai (sembahyang) sunat. Bicaraku ini adalah amanahku di sisimu. Kalau aku sudah mati, tak kisahlah jika Hajjaaj hendak membongkar kuburku sekalipun. (Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah). **Di dalam al-Binaayah Syarah al-Hidaayah** al-'Aini mengemukakan beberapa lagi hadits yang dijadikan golongan Hanafiyyah sebagai pegangan mereka. Hadits-hadits itu sebagai sambungan kepada tiga hadits yang dikemukakan tadi ialah: (4) Daaraquthni meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ النِّسَابُورِيُّ ثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى ثَنَا أَبُو عَاصِمٍ ح وَحَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَأَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ الْعَلَاءِ قَالَا نَا أَبُو الْأَشْعَثِ أَحْمَدُ بْنُ الْمُقْدَامِ نَا أَبُو عَاصِمٍ ثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ نَافِعٍ قَالَ تَخَلَّتْ مَسْجِدَ الْمَدِينَةِ فَأَذَّنَ مُؤَذِّنٌ بِالْعَصْرِ وَشَفِيعُ جَالِسٌ فَلَامَهُ وَقَالَ إِنَّ أَبِي أَخْبَرَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَأْمُرُ بِتَأْخِيرِ هَذِهِ الصَّلَاةِ فَسَأَلْتُ عَنْهُ فَقَالُوا هَذَا عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَافِعٍ بْنِ خَدِيجٍ بِمَعْنَى بَرْمَاكُوسُ: 'Abdul Waahid bin Naafi' al-Kalaa'i bercerita, katanya: Pernah saya masuk ke dalam masjid bandar (Kufah). Mu'azzin melaungkan azan untuk sembahyang 'Ashar. Tiba-tiba ada seorang tua mencela mu'azzin itu dengan katanya: "Sesungguhnya ayahku pernah menceritakan kepadaku bahawa Rasulullah s.a.w. selalu menyuruh supaya diperlewatkan sembahyang ini. Saya bertanya (orang ramai) siapakah orang tua ini? Jawab mereka: "Inilah 'Abdullah bin Raafi' bin Khadij." (5) Imam Tirmizi meriwayatkan, katanya: حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ خُزَيْمٍ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ ابْنُ عُثَيْبٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ أَنَّهَا قَالَتْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ تَعْجِيلًا لِلْعَصْرِ مِنْهُ بِمَعْنَى بَرْمَاكُوسُ: Ummu Salamah berkata: "Rasulullah s.a.w. lebih cepat mengerjakan Zohor daripada kamu. Kamu pula lebih cepat mengerjakan 'Ashar daripada Baginda." Hadits Ummu Salamah ini diriwayatkan juga oleh Ahmad di dalam Musnadnya. Selain hadits (1) dan (5) ini, semua hadits yang telah dikemukakan oleh al-'Aini itu dipertikaikan kesahihannya oleh para 'ulama' hadits, kerana tidak menepati piawaian hadits sahih. Hadits (1) walaupun sahih pada pandangan kebanyakan 'ulama' hadits, tidak jelas menunjukkan waktu 'Ashar bermula pada ketika bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Sabda Rasulullah s.a.w. : ثُمَّ صَلَّى الْعَصْرَ حِينَ كَانَ ظِلُّ كُلِّ شَيْءٍ مِثْلَهُ بِمَعْنَى BERMAKSUD: Kemudian bersembahyang 'Ashar (pada hari berikutnya) ketika bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Itu tidak lebih daripada menyatakan penghujung waktu 'Ashar yang terpilih semata-mata. Ia sama sekali tidak memberi erti waktu 'Ashar baru masuk pada ketika itu. Hadits (2) dha'if dan tidak boleh dijadikan hujjah kerana beberapa sebab berikut: (a) Adanya seorang perawi majhul di dalam isnadnya. Perawi itu ialah Yazid bin 'Abdir Rahman bin 'Ali bin Syaibaan. Kerananya hadits itu menjadi dha'if. (b) Tidak ada siapa pun mengatakan tidak harus melewati sembahyang 'Ashar selagi matahari masih putih bersih (tidak berubah menjadi kekuningan atau kemerahan warnanya). (c) Keberadaan perkataan كان sebelum perkataan يُوْخِرُ tidak semestinya dianggap sebagai madhi istimrari yang memberi erti selalu pada masa lalu atau ia merupakan kebiasaan Rasulullah s.a.w. Ini kerana ia bercanggah dengan sekian banyak hadits lain yang sahih dan kuat yang mana semuanya menunjukkan kebiasaan Baginda s.a.w. ialah bersembahyang 'Ashar di awal waktunya. (d) Hadits ini mungkar kerana matannya bercanggah dan bertentangan dengan matan (teks) hadits-hadits sahih yang lain. Hadits (3) dha'if dan tidak boleh dijadikan hujjah juga kerana di dalam isnadnya terdapat seorang perawi dha'if bernama

Kharijah bin 'Abdillah bin Sulaiman. Imam Ahmad dan Daaraquthni mengatakan dia dha'if. Selain itu teksnya juga jelas membayangkan kebencian dan permusuhan terhadap pemimpin Bani Umaiyah. Ingat! Jangan sekali-kali lupa kepada kata-kata Ibnu al-Qaiyyim, bahawa: وكل حديث في ذم بني أمية فهو كذب Bermaksud: Setiap hadits yang mencela Bani Umaiyah adalah dusta. Isnad hadits (4) mengandungi 'Abdul Waahid bin Naafi'. Imam ad-Daraquthni sendiri yang meriwayatkannya mengatakan isnad hadits ini dha'if. Riwayat sahih daripada Raafi' dan lain-lain (sahabat) adalah sebaliknya. 'Abdullah bin Rafi' tidak kuat (perawi dha'if). Tidak ada orang lain meriwayatkan hadits daripadanya selain 'Abdul Waahid bin Naafi'. Hadits ini tidak sahih, baik daripada Raafi' atau sahabat-sahabat yang lain. Ibnu Hibbaan berkata: "'Abdul Waahid bin Naafi' meriwayatkan hadits-hadits songsang daripada orang-orang Hijaz. Daripada orang-orang Syam pula ia meriwayatkan hadits-hadits maudhu'. Tidak halal menyebutkan haditsnya di dalam kitab kecuali dengan maksud menjelaskan kecacatan dan kejelikannya. Hadits (5) meskipun sahih, ia juga tidak jelas menunjukkan kelebihan bersembahyang 'Ashar lewat atau waktu 'Ashar baru masuk selepas bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Mulla 'Ali al-Qaari berkata: "Orang-orang yang dihadap cakap oleh Ummu Salamah itu bukan sahabat." Mereka sebenarnya ditegur oleh Ummu Salamah kerana menyalahi sunnah Nabi s.a.w. Demikian kata at-Thibi. Sementara Maulana Anwar Syah al-Kashmiri pula berkata: "Hadits ini samar (tidak jelas). Perbuatan Nabi s.a.w. melewati sembahyang 'Ashar yang mafhum daripadanya adalah nisbi. Mafhum nisbi seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai penentu." **Berhubung dengan masalah waktu 'Ashar** bermula apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya - seperti yang dipegang Abu Hanifah dalam pendapatnya yang masyhur - Syeikh Zakariya kurang berpuas hati dengan dalil-dalil yang dikemukakan oleh al-'Aini dan lain-lain tokoh mazhab Hanafi. Kerana hampir kesemua yang sahih daripadanya tidak jelas. Beliau nampaknya lebih senang berpegang dengan arahan Saiyyidina 'Umar kepada para pegawainya melalui satu surat rasmi beliau. Di dalam surat itu Saiyyidina 'Umar menulis: صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْعَصْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ Bermaksud: "Bersembahyanglah Zohor bila bayangmu menjadi sama panjang denganmu dan 'Ashar bila bayangmu menjadi satu kali lebih panjang daripadamu." Menurut Syeikh Zakariya, arahan Saiyyidina 'Umar itu diketahui umum sahabat. Mereka tidak menegur pun arahan 'Umar itu. Tidak mungkin mereka berdiam diri atas perkara sepeenting waktu sembahyang. Kalau kerana sehelai kain apabila 'Umar berkata: اسْمَعُوا وَأَطِيعُوا (dengar dan patuhlah kamu), mereka boleh menjawab: لَا نَسْمَعُ وَلَا نَطِيعُ (kami tidak akan dengar dan patuh), mana mungkin mereka berdiam diri atas kesalahan 'Umar tentang waktu sembahyang?! Sekiranya waktu Zohor habis ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, niscaya arahan Saiyyidina 'Umar itu bererti menyuruh semua orang di zaman pemerintahannya bersembahyang Zohor di luar waktunya secara qadha'. Ini adalah suatu perkara yang tidak masuk 'aql sama sekali dilakukan oleh Saiyyidina 'Umar. (Lihat Taqirir Sahih Bukhari). **Penulis berpendapat, Syeikh Zakariya** telah tersasul dalam kenyataannya ini pada dua perkara: (1) Beliau mengatakan, صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ Mِثْلَكَ itu sebagai kata-kata 'Umar dalam bentuk arahan beliau kepada para pegawainya. Padahal tidak ada pun apa yang dikatakan arahan 'Umar itu dengan lafaz tersebut. Ia sebenarnya merupakan satu hadits mauquf daripada Abi Hurairah. Malik dan 'Abdur Razzaaq meriwayatkannya di dalam kitab mereka masing-masing. Riwayat itu dengan isnad Malik adalah seperti berikut: مَالِكٌ عَنْ يَزِيدَ بْنِ زِيَادٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَافِعٍ مَوْلَى أُمِّ سَلَمَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سَأَلَ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنْ وَقْتِ الصَّلَاةِ فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ أَنَا أَخْبَرُكَ صَلِّ الظُّهْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْعَصْرَ إِذَا كَانَ ظِلُّكَ مِثْلَكَ وَالْمَغْرِبَ إِذَا غَرَبَتِ الشَّمْسُ وَالْعِشَاءَ مَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ ثَلَاثِ اللَّيْلِ وَصَلِّ الصُّبْحَ بِغَيْشِ بَغْيِ الْغُلَسِ Bermaksud: 'Abdullah bin Raafi' maula Ummi Salamah, isteri Nabi s.a.w. meriwayatkan, bahawa beliau pernah bertanya Abu Hurairah tentang waktu sembahyang. Kata Abu Hurairah: "Saya akan ceritakan kepadamu. Bersembahyanglah Zohor bila bayangmu menjadi sama panjang denganmu dan 'Ashar bila bayangmu menjadi satu kali lebih panjang daripadamu. Maghrib bila matahari terbenam dan 'Isyaa' bila masuk waktunya hingga ke satu pertiga (awal) malam. Bersembahyanglah Subuh di awal waktunya, ketika masih lagi gelap."